

**BERITA ONLINE  
SINAR HARIAN  
TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (JUMAAT)**



## **Dewan Rakyat lulus tiga RUU**

MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID dan RAIHAM MOHD SANUSI | | 28 Oktober 2021



Dewan Rakyat pada Khamis luluskan sebulat suara RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2021, RUU Ordinan Peguam Bela (Sabah)(Pindaan) 2021 dan RUU Lembaga Angkasa Malaysia 2020.

KUALA LUMPUR - Dewan Rakyat pada Khamis meluluskan sebulat suara Rang Undang-Undang (RUU) Perihal Dagangan (Pindaan) 2021, RUU Ordinan Peguam Bela (Sabah)(Pindaan) 2021 dan RUU Lembaga Angkasa Malaysia 2020.

Kesemua tiga RUU itu diluluskan selepas dibahaskan enam jam oleh ahli Parlimen pembangkang dan kerajaan.

RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 dibentangkan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Ia diikuti dengan pembentangan RUU Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

RUU Lembaga Angkasa Malaysia 2020 pula dicadangkan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Hashim.

RUU Perihal Dagangan (Pindaan) 2021 menggantikan Akta Perihal Dagangan 2011 atau lebih dikenali sebagai Akta 730.

Berdasarkan RUU berkenaan, skop akta sedia ada diperluaskan lagi agar ia lebih komprehensif bersesuaian dengan peredaran masa dan isu-isu berbangkit ketika ini.

Ia termasuk memasukkan larangan penggunaan apa-apa pernyataan, ungkapan atau petunjuk yang mungkin mendiskriminasi atau memboikot apa-apa keluaran atau barangan.

RUU Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2021 digubal bagi memantapkan sektor perundangan dan perkhidmatan peguam bela di Sabah secara amnya.

Sementara itu, RUU Lembaga Angkasa Malaysia 2020 disyorkan untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa bagi tujuan keselamatan, mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa.

Ahmad Amzad ketika membentangkan RUU itu untuk bacaan kali kedua berkata, usaha penggubalan RUU itu timbul dari keperluan negara untuk memperkasakan sektor pembangunan angkasa yang turut meliputi urusan mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa.

"Peningkatan penggunaan teknologi angkasa dalam bidang komunikasi, navigasi, pengurusan sumber, pembangunan dan keselamatan negara serta manfaat yang diperolehi telah menarik minat bukan sahaja pihak kerajaan tetapi pihak industri dan institusi pengajian tinggi.

"Selaras dengan peningkatan dan perkembangan teknologi semasa yang menuju kepada Revolusi Industri 4.0, analitik data raya dan teknologi maklumat dan komunikasi, peningkatan keperluan terhadap data, imej serta maklumat yang diperolehi daripada teknologi angkasa telah melonjakkan pembangunan teknologi angkasa di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Persatuan Industri Satelit (SIA), pendapatan ekonomi angkasa di peringkat antarabangsa bagi tahun 2020 mencecah AS\$371 bilion.